

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[LEVEL OF UNDERSTANDING AND PRACTICE OF REASONABLE KNOWLEDGE AMONG UNISZA STUDENTS]**

**TAHAP PEMAHAMAN DAN PENGAMALAN ILMU MANTIK DALAM KALANGAN MAHASISWA UNISZA**

MUHAMMAD RASHIDI WAHAB<sup>1\*</sup>

MOHD FAIZUL AZMI<sup>1</sup>

RAZALI MUSA<sup>1</sup>

MOHD HASRUL SHUHARI<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak 21300, Kuala Nerus, Terengganu 51300 Kuala Lumpur.

\*Corresponding author: muhdrashidi@unisza.edu.my

Received Date: 9 March 2018 • Accepted Date: 9 Sept 2018

**Abstract**

*Ilmu Mantik or logic plays a significance role in building a systematic thinking. Thus, its able to be instrumens of reasoning in dialective theology. This research examined the level of understanding and practice of Ilmu Mantik among Usuluddin Department's students of Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). This research involved 124 respondents. In this study, the researcher conducts quantitative research and employs descriptive analysis. Findings illustrate that, the level of understanding toward Ilmu Mantik is high while the level of practice is low. This trend shows that the students have ability to understand the subject theoretically but fail in practical aspect of Ilmu Mantik. This article further recommends that revision on Ilmu Mantik's syllabus to be more emphasize on practical aspect. This will encourage students to master and practice Ilmu Mantik in their daily intellectual life.*

Keywords: Ilmu Mantik, Understand, Practice, UniSZA

**Abstrak**

Ilmu Mantik atau logik memainkan peranan penting dalam membina pemikiran yang sistematis. Oleh itu, ia dapat menjadi instrumen penghujahan dalam perdebatan kalam. Kajian ini meneliti tahap pemahaman dan amalan Ilmu Mantik dalam kalangan pelajar Pusat Pengajian Usuluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Kajian ini melibatkan 124 orang responden. Dalam kajian ini, penyelidik menjalankan penyelidikan kuantitatif dan menggunakan analisis deskriptif. Penemuan menggambarkan bahawa, tahap pemahaman terhadap Ilmu Mantik adalah tinggi manakala tahap pengamalannya adalah rendah. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keupayaan untuk memahami subjek secara teorinya tetapi gagal dalam aspek praktikalnya. Makalah ini seterusnya mencadangkan agar semakan pada sukanan pelajaran Ilmu Mantik lebih

ditekankan kepada aspek praktikal. Ini akan menggalakkan pelajar menguasai dan mengamalkan Ilmu Mantik dalam kehidupan intelektual harian mereka.

**Kata kunci:** Ilmu Mantik, Pemahaman, Amalan, UniSZA

**Cite as:** Muhamad Rashidi Wahab, Mohd Faizul Azmi, Razali Musa & Mohd Hasrul Shuhari. 2018. Tahap Pemahaman dan Pengamalan Ilmu Mantik dalam Kalangan Mahasiswa UniSZA. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 18(1): 170-180.

## PENDAHULUAN

Istilah mantiq menurut bahasa Arab bermaksud pertuturan atau percakapan (Ibn Manzur, 2003), sedangkan mantik dalam bahasa Melayu difahami sebagai ilmu yang membahaskan sesuatu menggunakan akal (Kamus Dewan, 2010). Menurut Ibn Khaldun (2004), definisi mantik dari sudut istilah ialah kaedah-kaedah yang boleh menjelaskan pengetahuan seseorang tentang pemikiran yang benar atau salah berdasarkan definisi dan hujah terhadap al-tasdiqat. Al-Ghazali (1961) pula menyatakan bahawa mantik bermaksud kaedah-kaedah yang boleh membezakan antara definisi dan al-qiyas yang benar daripada yang rosak. Begitu juga al-Jurjani (1985) yang menjelaskan bahawa mantik sebagai kaedah-kaedah dalam mengawal akal pemikiran manusia daripada melakukan kesilapan atau kesalahan ketika proses berfikir. Berdasarkan definisi tersebut, ilmu mantik adalah sejenis ilmu yang dapat mengawal akal manusia agar berfikir secara betul.

Sejarah membuktikan bahawa penggunaan pendalilan akal berdasarkan ilmu mantik telah diperaktikkan semenjak zaman silam oleh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, khususnya ketika mempertahankan akidah Islam daripada serangan aliran bidaah serta sesat seperti Mu'tazilah, Shi'ah, Ateis dan lain-lain (Muhammad Rashidi & Mohd Faizul, 2013). Maka, itu merupakan sumbangan ilmu mantik terhadap keutuhan Islam yang dilihat sebagai salah satu faktor terpenting dalam catatan perkembangan pesat peradaban Islam di seluruh dunia. Peranan ini terus dimainkan oleh ulama zaman terkemudian dengan memanfaatkan penggunaan ilmu mantik untuk menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam (Mohd Fauzi, 1996). Kelangsungan ini berlarutan sehingga sampai kepada generasi masa kini dengan kemunculan isu-isu akidah kontemporari yang memerlukan sentuhan ilmu mantik.

Menurut 'Iwad Allah Jad Hijazi (1964), ilmu mantik sekurang-kurangnya mempunyai lima faedah atau kepentingan yang sangat besar kepada manusia iaitu: Pertama, ilmu ini memberi panduan kepada manusia untuk berfikir dengan sistematik. Kedua, ia adalah asas kepada semua ilmu, kerana ilmu ini membahaskan mengenai undang-undang berfikir. Sekiranya berfikir adalah asas bagi semua ilmu, maka mantik adalah asas bagi semua ilmu tersebut. Disebabkan itulah para ulama menyatakan ilmu mantik adalah alat kepada ilmu lain dan mi'yar kepada ilmu lain. Ilmu mantik bertindak sebagai pengukur kepada tahap ketepatan para pengkaji dalam kajian mereka, pada masa yang sama ia juga bertindak dalam memperkembangkan sesuatu bidang ilmu.

Ketiga, kepentingan ilmu mantik itu bukan hanya meletakkan undang-undang umum kepada proses berfikir manusia, bahkan ia melibatkan aplikasi undang-undang umum tersebut di dalam metodologi kajian yang pelbagai dengan mengikut kepada keperluan sesuatu ilmu.

Keempat, manusia boleh membezakan kebenaran dan kesalahan dengan menggunakan kaedah-kaedah umum mantik, iaitu dengan menjelaskan kesalahan-kesalahan yang berlaku di dalam berfikir. Ini kerana proses berfikir adalah merupakan fitrah manusia (Abu al-'Ala 'Afifi, 1947). Kelima, ilmu mantik melatih manusia dalam kemahiran mengkritik dan menilai dengan betul, menimbang bukti, menghukum ke atas sesuatu dengan keputusan sempurna atau bersifat kekurangan.

Oleh itu, memandangkan pengajaran subjek ilmu mantik di UniSZA ini ditempatkan di bawah kelolaan Pusat Pengajian Usuluddin (dahulu dikenali sebagai Jabatan Usuluddin) di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), maka para penulis yang terdiri daripada kalangan pensyarah di Pusat Pengajian Usuluddin FKI melihat perlunya sebuah kajian berterusan bagi memastikan subjek ilmu mantik ini terus ditransformasi dari semasa ke semasa seiring dengan keperluan dan perkembangan ilmu pengetahuan masa kini. Manakala isu, cabaran dan permasalahan yang dihadapi pula perlu ditangani segera agar penambahbaikan terhadap pengajian ilmu mantik dapat dilakukan menerusi hasil pelbagai kajian yang diperolehi nanti.

Selain itu, berasaskan kepentingan ilmu mantik khususnya ketika berinteraksi dengan pendalilan akal dalam ilmu akidah, maka silibus pelajaran berteraskan pengajian Islam telah meletakkan ilmu mantik sebagai salah satu subjek terpenting yang perlu dipelajari di peringkat pengajian tinggi. Malah subjek mantik turut diwajibkan kepada pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang mengambil jurusan Usuluddin (<http://portal.mpm.edu.my>). Hal ini tidak terkecuali di UniSZA yang mewajibkan mahasiswa di Pusat Pengajian Usuluddin FKI mempelajari subjek ilmu mantik ini. Oleh itu, menerusi kaedah kuantitatif, makalah ini akan mengetengahkan suatu kajian tentang tahap pemahaman dan pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA. Sebagai permulaan, makalah ini terlebih dahulu akan menjelaskan perkembangan dan pembelajaran subjek ilmu mantik di UniSZA sebagai sorotan awal kepada tajuk perbincangan.

## **SOROTAN PENGAJIAN ILMU MANTIK DI UNISZA**

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan salah sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau terkini disebut Universiti Awam (UA) di Malaysia. Sejarah penubuhannya bermula pada 26 Mac 2005, apabila YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, telah mengumumkan penubuhan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM). Penubuhan UDM ini adalah penaiktarafan dan kesinambungan daripada Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang didirikan pada tahun 1980. Kemudian pada 13 Mei 2010, nama Universiti Darul Iman Malaysia ditukar kepada Universiti Sultan Zainal Abidin yang kekal digunakan sehingga kini (<https://www.unisza.edu.my>).

Sejarah pengajian ilmu mantik di UniSZA bermula seawal penubuhan KUSZA lagi dengan mewajibkan subjek ilmu mantik kepada semua pelajar diploma pengajian Islam di bawah Sekolah Pengajian Islam. Subjek ilmu mantik ini diajar dalam bahasa Arab selama dua semester, iaitu dua jam kredit pada setiap semester yang menjadikan jumlah keseluruhannya empat jam kredit. Tiada buku atau modul khusus yang digunakan, ia bergantung sepenuhnya kepada pensyarah yang mengajar untuk mencari bahan rujukan kepada mahasiswa masing-masing. Hampir keseluruhan silibus subjek berkaitan pengajian Islam adalah berpandukan silibus yang dikehendaki oleh Universiti al-Azhar, Mesir (melalui perjanjian MOU)

memandangkan lepasan diploma pengajian Islam KUSZA boleh menyambung pelajaran peringkat ijazah di Universiti al-Azhar.

Setelah KUSZA dinaiktaraf kepada UDM dan UniSZA, subjek ilmu mantik terus diajar sebagai subjek wajib fakulti, namun terdapat beberapa perubahan dilakukan berbanding zaman KUSZA. Antara perubahan tersebut ialah jumlah jam kredit subjek ilmu mantik bagi peringkat diploma dikurangkan kepada dua jam kredit sahaja dalam satu semester. Manakala bagi peringkat ijazah pula, hanya mahasiswa Usuluddin sahaja yang akan mempelajari subjek ilmu mantik berjumlah enam jam kredit dalam dua semester, iaitu Mantik Klasik tiga jam kredit dan Mantik Moden tiga jam kredit (FKI, 2014: 111). Bagi lepasan diploma UniSZA sendiri atau IPT lain yang menawarkan subjek ilmu mantik, jika mereka menyambung pengajian ijazah di UniSZA semula, ia akan memberikan sedikit kelebihan kepada mereka kerana sebahagian daripada kandungan subjek ilmu mantik telah mereka pelajari ketika diploma terdahulu.

Dalam usaha meningkatkan lagi pembudayaan ilmu mantik di UniSZA, Pusat Pengajian Usuluddin FKI telah mengadakan pelbagai aktiviti luar seperti seminar, bengkel, wacana dan sebagainya lagi. Contohnya, pada 17-18 September 2013, Pusat Pengajian Usuluddin FKI dengan kerjasama Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Seminar Ilmu Mantik 2013. Penganjuran ini antara lainnya bertujuan mencari titik persamaan antara ilmu mantik yang digunakan dalam pengajian Islam dan matematik. Program serta perbincangan akademik sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang bagi memperkuatkan lagi ilmu mantik selain dari pengajian Islam sahaja. Semua ini dilakukan agar ilmu mantik terus berkembang maju di UniSZA.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Sehingga kini ilmu mantik dipelajari sebagai satu mata pelajaran di institusi-institusi pengajian sama ada di peringkat menengah atau di peringkat universiti. Subjek ilmu mantik yang diajar di peringkat ini juga tidak lari daripada halangan dan masalah. Bentuk-bentuk halangan yang dapat dikenal pasti dalam pengajian ilmu mantik selalunya dikaitkan dengan tiga perkara utama iaitu ilmu mantik itu sendiri, guru dan pelajar. Perkara yang sama juga disuarakan oleh Kamarudin Salleh (2000) dengan menyatakan bahawa ilmu mantik telah kehilangan roh dan semangatnya sehingga ia tidak lagi bersinar seperti mana di zaman kegemilangan keilmuan Islam dahulu, malah ilmu mantik tidak lagi dipelajari secara menyeluruh, jika ia dipelajari pun hanya dari sudut teori tanpa disertakan dengan aplikasi. Kekurangan bahan rujukan ilmu mantik dalam bahasa yang digunakan oleh umat Islam contohnya seperti bahasa Malaysia turut menyumbang kepada kesukaran pelajar yang hanya menguasai bahasa Malaysia sahaja dalam memahami pengajian ilmu mantik.

Kamarudin Salleh (2000) turut menjelaskan bahawa perkembangan ilmu mantik di Malaysia, malah tidak keterlaluan di dunia Islam, sangat ketinggalan berbanding perkembangan pengajian mantik di barat. Hal ini merupakan satu tamparan yang hebat kepada umat Islam kerana generasi mereka dahululah yang membangunkan ilmu mantik daripada sumber tamadun Yunani. Maka ilmu mantik itu sendiri merupakan masalah utama dalam hal ini, kerana halangan yang didapati ialah ilmu mantik tidak berkembang selari dengan perubahan zaman, sukar untuk kita menemui karya-karya baru yang bernafas dengan sentuhan baru seperti persembahan yang menarik, teknik penjelasan, contoh yang terkini dan sebagainya lagi yang boleh menarik minat

pembaca. Mungkin kita boleh melihat perkembangan ilmu mantik atau terkenal dengan nama atau subjek logic yang dimajukan oleh barat seperti software logic-cola yang sangat membantu para pelajar mengaplikasi kaedah-kaedah logik yang mereka pelajari di sekolah atau universiti.

Bagi pelajar pula, terdapat tiga bentuk halangan yang menyukarkan penghayatan pelajar terhadap ilmu mantik ialah sistem pengajaran yang kurang berkesan, kurang minat dan ilmu mantik dikatakan tidak sesuai untuk diamalkan dalam kehidupan (Kamarudin Salleh, 2000). Penghayatan ilmu mantik bermaksud para pelajar berupaya menghayati ilmu tersebut serta wujudnya kesan positif hasil daripada penghayatan dan pengaplikasian sepenuhnya. Dalam kajian Kamarudin Salleh (2000) juga, beliau mendapati tahap pengamalan atau pengaplikasian ilmu mantik dalam kalangan pelajar adalah sangat rendah. Beliau turut menyatakan antara faktor penghalang ialah kurang pendedahan dari aspek kemahiran menggunakan ilmu mantik, malah majoriti para pelajar menyalahkan sistem pengajaran dan pembelajaran guru sebagai penghalang utama kepada pemahaman dan penguasaan ilmu.

Justeru, antara saranan dan cadangan yang dikemukakan oleh Kamarudin Salleh (2000) ialah: Pertama, pihak berwajib perlu menyemak semula sukatan ilmu mantik, malah perlu juga memasukkan unsur-unsur bersepadan bersama matematik asas supaya para pelajar memahami bahawa apa yang mereka pelajari itu bukan semata-mata mantik tetapi juga matematik. Kedua, pendedahan dan latihan yang lebih efisen kepada para pengajar bagi tujuan membaiki dan mempertingkatkan kemahiran mengajar. Ketiga, penjelasan yang terperinci berkenaan kaedah dan sistem pemikiran logik, sehingga mereka mampu memproses dan mencerakinkan kaedah-kaedah mantik sebagai hujah akal dalam kehidupan harian. Keempat, penyeragaman dan penterjemahan bahan-bahan rujukan dan istilah perlu dipertingkatkan dalam bahasa Malaysia kerana dapat membantu para pelajar dan pengajar dalam memahami dan menguasai ilmu mantik.

Menurut Nurul Hidayah (2013) pula, sebahagian mahasiswa yang kurang memahami ilmu mantik beranggapan bahawa ilmu mantik adalah di antara subjek yang susah berbanding subjek- subjek lain. Selain kesukaran dalam memahami penggunaan istilah-istilah ilmu mantik bahasa Arab, kekurangan bahan rujukan dalam bahasa Malaysia turut menjadi faktor kepada kurangnya minat mahasiswa terhadap subjek mantik. Maka, beliau menyarankan agar masalah ini dapat ditangani oleh para pensyarah, ahli akademik atau sesiapa sahaja yang terlibat. Hal ini kerana, sebahagian besar responden pada awalnya mengakui kepentingan ilmu mantik serta menunjukkan minat yang tinggi terhadapnya, namun faktor-faktor yang disebutkan itu menjadi penghalang kepada mereka untuk terus mendalami ilmu mantik.

Jika melihat ilmu mantik sebagai satu bidang ilmu yang telah lama bertapak dalam sejarah pemikiran manusia, ia tidak terlepas daripada pelbagai isu dan cabaran yang muncul disebabkan oleh keberadaan ilmu ini dalam dunia keilmuan Islam, sebagaimana ilmu-ilmu lain juga. Semenjak dari permulaan ilmu ini masuk ke dalam tamadun Islam, ia telah memberikan serta melahirkan pelbagai reaksi dalam kalangan para sarjana Islam. Polemik ini berterusan sehingga kini dengan sebilangan umat Islam tidak memandang mantik sebagai ilmu yang boleh mendatangkan manfaat secara umumnya. Maka, isu-isu berkaitan ilmu mantik seperti sejarah perkembangan ilmu mantik, hukum mempelajari ilmu mantik, kritikan terhadap keabsahannya, metodologi pengajaran ilmu mantik dan sebagainya terus menjadi perdebatan sehingga kini. Justeru itu, hal ini memerlukan huraian dan penjelasan semula dalam meluruskan kembali salah faham terhadap ilmu mantik melalui pengajaran ilmu mantik yang berterusan (Mohd Faizul &

Muhammad Rashidi, 2013).

Semua ini bertepatan dengan pelan Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia yang mencadangkan agar mutu kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pensyarah dan mahasiswa dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa. Para pensyarah disarankan melakukan penyelidikan secara berkala untuk memastikan sesuatu subjek yang ditawarkan itu sentiasa relevan dan dapat dimanfaatkan semaksimum yang mungkin (Jabatan Pengajian Tinggi, 2010). Melalui penyelidikan tersebut, segala masalah atau kekurangan yang timbul dapat dikenalpasti dengan terperinci bagi memudahkan pihak yang mempunyai autoriti mengambil tindakan yang sewajarnya. Seterusnya dapat meningkatkan lagi kualiti pengajian Islam di Malaysia.

Oleh itu, sebuah kajian berobjektifkan mengukur tahap pemahaman dan pengamalan dengan tumpuan dalam kalangan mahasiswa di UniSZA adalah penting dilaksanakan agar tindakan susulan bagi cadangan penambahbaikan terhadap pengajian ilmu mantik di UniSZA dapat dilakukan dengan berkesan dan sistematik. Hal ini juga bertujuan membantu mahasiswa di UniSZA khususnya dan IPT lain umumnya untuk lebih memahami subjek ilmu mantik dan seterusnya ia dapat digunakan dalam pengajian pendalilan akal ilmu akidah serta diamalkan dalam kehidupan seharian. Malah ilmu mantik turut menjadi benteng penting kepada pengukuhan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah bagi umat Islam di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian berbentuk kuantitatif ini mengaplikasikan teknik survei melibatkan 124 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Usuluddin di UniSZA. Teknik persampelan rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 48 orang lelaki (38.7%) dan 76 orang perempuan (61.3%), melibatkan mahasiswa peringkat diploma 67 orang (54.5%) dan peringkat ijazah 57 orang (45.5%). Justeru, pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan borang soal selidik yang telah dirangka berdasarkan kepada objektif kajian dan boleh ubah yang akan diukur. Pertama, maklumat demografi responden. Kedua, soalan yang berkaitan pengetahuan dan pengamalan ilmu mantik dalam kalangan responden.

Dalam soalan borang soal selidik yang diberikan kepada responden, terdapat 40 soalan yang terdiri daripada 20 soalan berkaitan pemahaman dan 20 soalan lagi berkaitan pengamalan ilmu mantik. Tahap soalan yang dikemukakan adalah bersesuaian dengan tahap asas bagi mahasiswa yang mempelajari subjek ilmu mantik merangkumi aspek tasawurat, tasdiqat dan istidlalat. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian SPSS, dengan menjalankan analisis deskriptif, dengan melihat kepada frekuensi (n) dan juga peratus (%), nilai skor dan min bagi setiap boleh ubah. Keputusan analisis yang diperolehi akan dipaparkan dalam dapatan kajian dan dijelaskan dalam perbincangan di bawah.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 110 orang (88.7%) mempunyai tahap pemahaman yang tinggi terhadap ilmu mantik. Selebihnya 14 orang (11.3%) berada pada tahap sederhana. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Tahap Pemahaman Ilmu Mantik**

Tahap Pemahaman	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	-	-
Sederhana	14	11.3
Tinggi	110	88.7
Jumlah	124	100

Bagi tahap pengamalan pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 82 orang (66.1%) berada pada tahap sederhana, diikuti 42 orang (33.9%) berada pada tahap tinggi. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Tahap Pengamalan Ilmu Mantik**

Tahap Pengamalan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Rendah	-	-
Sederhana	82	66.1
Tinggi	42	33.9
Jumlah	124	100

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, tahap pemahaman mahasiswa UniSZA secara keseluruhannya berada dalam keadaan memberangsangkan, iaitu 110 responden (88.7%) berada pada tahap pemahaman yang tinggi terhadap ilmu mantik. Proses pengajaran yang berkesan daripada para pensyarah berkemungkinan menjadi menyumbang terbesar dalam mempengaruhi keputusan tersebut. Malah keputusan ini turut dipengaruhi oleh pengalaman majoriti mahasiswa Usuluddin di UniSZA yang pernah mempelajari asas-asas ilmu mantik sama ada di peringkat sekolah menengah (STAM) atau di peringkat diploma. Hal ini selari dengan majoriti responden iaitu seramai 122 orang (98.4%) pernah mempelajari ilmu mantik dan selebihnya iaitu 2 orang (1.6%) tidak pernah mempelajari ilmu mantik. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 3 berikut:

**Jadual 3: Taburan Pengalaman Mempelajari Ilmu Mantik**

Keputusan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Pernah	122	98.4
Tidak Pernah	2	1.6
Jumlah	124	100

Walau bagaimanapun, jika diperhatikan kepada tahap pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA, kesimpulan umum yang boleh dikatakan ialah pemahaman seseorang terhadap subjek ilmu mantik bukan bermaksud mereka berupaya mempraktikkan ilmu mantik dalam kehidupan seharian. Keputusan sama turut dikongsi oleh Kamarudin Salleh

(2000) sebagaimana yang dijelaskan dalam permasalahan kajian di atas. Hal ini terbukti dengan 42 responden (33.9%) sahaja yang berada pada tahap pengamalan yang tinggi terhadap ilmu mantik. Pengalaman mempelajari ilmu mantik tidak memberi jaminan bahawa responden boleh mengamalkan ilmu mantik dengan sempurna.

Hakikatnya, keadaan ini sangat membimbangkan kerana ilmu mantik mempunyai kaitan rapat dengan subjek-subjek Usuluddin yang lain seperti pendalilan akidah dan ilmu kalam, falsafah dan sebagainya lagi. Subjek-subjek ini sememangnya berhajat kepada penggunaan ilmu mantik secara meluas dan bersistematik dalam pengajian tersebut. Jika mereka sekadar memahami teori semata-mata dan tidak berupaya mengamalkan ilmu mantik tersebut, maka subjek-subjek yang dipelajari itu hanya menjadi sekadar hafalan atau ingatan yang tidak mendatangkan sebarang kesan dan manfaat kepada mereka.

Maka, keputusan peperiksaan subjek ilmu mantik bukan kayu pengukur sebenar kemampuan responden dalam penguasaan ilmu mantik secara sempurna sehingga kepada tahap mampu mengamalkannya dalam pelbagai lapangan kehidupan atau dalam aktiviti-aktiviti akademik yang lain. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Taburan Keputusan Peperiksaan Subjek Ilmu Mantik

Keputusan	Bilangan Responden	Peratus (%)
3.5 ke atas	26	21.0
3.0 ke atas	51	41.1
2.5 ke atas	41	33.1
2.0 ke atas	6	4.8
1.5 ke atas	-	-
Jumlah	124	100

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden iaitu 77 orang (62.1%) mendapat keputusan peperiksaan 3.0 ke atas bagi subjek ilmu mantik, berbanding 47 orang (37.9%) mendapat di bawah daripada 3.0. Data ini mengukuhkan lagi pendapat penulis sebelum ini yang menyatakan bahawa pemahaman teori semata-mata sehingga responden berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan subjek ilmu mantik, bukanlah bererti mereka benar-benar menguasai ilmu mantik secara keseluruhannya termasuklah berupaya mengamalkan ilmu mantik tersebut. Keputusan peperiksaan yang cemerlang dianggap sebagai salah satu faktor sahaja, dan bukan faktor utama seseorang mahasiswa dikatakan benar-benar menguasai ilmu mantik.

Justeru itu, bagi menyelesaikan permasalahan tersebut, penulis mencadangkan supaya sukanan subjek ilmu mantik dipertingkatkan dari sudut pengamalan dan praktikal juga, seperti memperbanyak latihan-latihan yang bersifat melatih mahasiswa menggunakan ilmu mantik sama ada dalam kehidupan sehari-hari mereka atau dalam aktiviti-aktiviti akademik. Tindakan ini secara tidak langsung akan menjadikan akal dan pemikiran mereka lebih matang serta tajam, bersesuaian dengan kepentingan dan sifat ilmu mantik itu sendiri sebagai ilmu alat dalam proses berfikir aras tinggi. Pada masa yang sama, ia akan memudahkan mereka mempelajari dan mengamalkan ilmu akidah Islam dengan lebih berkesan.

Selain itu, jika diperhatikan dari sudut faktor jantina, keputusan yang diperolehi tidak begitu mempengaruhi tahap pemahaman responden lelaki atau perempuan. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Taburan Tahap Pemahaman Berdasarkan Jantina

Tahap Pemahaman	Lelaki N (%)	Perempuan N (%)	Jumlah
Rendah	-	-	-
Sederhana	5 (4.0)	9 (7.3)	14 (11.3)
Tinggi	43 (34.7)	67 (54)	110 (88.7)
Jumlah	48 (38.7)	76 (61.3)	124 (100)

Jadual 5 di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang memperolehi tahap pemahaman tinggi kelihatan seimbang di antara lelaki dan perempuan. Responden lelaki, daripada 48 orang (38.7%), seramai 43 orang (34.7%) berada pada tahap tinggi. Hanya 5 orang (4%) sahaja berada pada tahap sederhana. Manakala responden perempuan, daripada 76 orang (61.3%), seramai 67 orang (54%) berada pada tahap tinggi. Hanya 9 orang (7.3%) sahaja berada pada tahap sederhana. Ini bermaksud faktor jantina tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan tahap pemahaman ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA. Begitu juga faktor jantina tidak terlalu mempengaruhi tahap pengamalan ilmu mantik. Pernyataan ini dijelaskan dalam Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Taburan Tahap Pengamalan (Tinggi) Berdasarkan Jantina

Tahap Pengamalan	Lelaki N (%)	Perempuan N (%)	Jumlah
Rendah	-	-	-
Sederhana	30 (24.2)	52 (42)	82 (66.1)
Tinggi	18 (14.5)	24 (19.3)	42 (33.9)
Jumlah	48 (38.7)	76 (61.3)	124 (100)

Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa bilangan responden tahap pengamalan di antara lelaki dan perempuan. Responden lelaki, daripada 48 orang (38.7%), seramai 18 orang (14.5%) berada pada tahap tinggi. Hanya 30 orang (24.2%) berada pada tahap sederhana. Manakala responden perempuan, daripada 76 orang (61.3%), seramai 24 orang (19.3%) sahaja berada pada tahap tinggi. Sedangkan 52 orang (42%) lagi berada pada tahap sederhana. Jika dinisbahkan 48 orang lelaki kepada 100%, maka 18 orang mewakili 37.5%. Sementara jika dinisbahkan 76 orang perempuan kepada 100%, maka 24 orang mewakili 31.5%. Walaupun peratus lelaki lebih tinggi sedikit, tetapi jurangnya tidak terlalu besar dengan peratus perempuan. Ini bermaksud, faktor jantina juga tidak semestinya dapat mempengaruhi tahap pengamalan ilmu mantik dalam kalangan mahasiswa UniSZA.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman para penulis sebagai pensyarah di UniSZA, kebanyakan mahasiswa perempuan kelihatan lebih rajin dalam pelajaran berbanding lelaki. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan perempuan lebih cemerlang dalam keputusan

peperiksaan berbanding lelaki yang dilihat kurang bersungguh-sungguh. Namun kelemahan mahasiswa perempuan ialah mereka kurang menguasai isu-isu semasa dan tidak dapat mengaitkan ilmu yang dipelajari dalam kuliah dengan perkara yang berlaku di luar bilik kuliah. Sedangkan mahasiswa lelaki, walaupun mereka kurang cemerlang dalam keputusan peperiksaan berbanding perempuan, tetapi mereka lebih terkehadapan dalam mengaitkan atau mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam kuliah dengan isu-isu yang berlaku di luar bilik kuliah.

## KESIMPULAN

Ilmu mantik merupakan salah satu ilmu alat terpenting bagi mahasiswa pengajian Islam khususnya mereka yang dalam jurusan Usuluddin. Apatah lagi ilmu mantik dianggap sebagai mukadimah ilmu untuk memahami dan menguasai ilmu-ilmu lain seperti ilmu akidah dan ilmu kalam, ilmu falsafah, ilmu usul al-fiqh dan sebagainya lagi (al-Ghazali, 2008). Maka, UniSZA melalui Pusat Pengajian Usuluddin FKI sentiasa merancang untuk menambah baik subjek ilmu mantik yang ditawarkan di UniSZA. Pembinaan subjek ilmu mantik dalam proses pembelajaran perlu diberikan keutamaan agar mahasiswa pengajian Islam di UniSZA khususnya Usuluddin benar-benar menguasai ilmu mantik sama ada dari aspek pemahaman ataupun praktikalnya.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, bagi menyelesaikan isu, permasalahan terhadap ilmu mantik ini, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan yang sebahagiannya adalah daripada cadangan responden iaitu:

1. Pakar atau pensyarah ilmu mantik di Malaysia dicadangkan untuk memperbanyakkan bahan rujukan berkaitan ilmu mantik dalam bahasa Malaysia agar mereka yang kurang menguasai bahasa Arab dapat memahami ilmu mantik secara lebih mendalam.
2. Sukatan atau silibus ilmu mantik perlu ditambah baik dengan memasukkan elemen-elemen pengamalan dan penggunaan ilmu mantik dalam kehidupan seharian atau dalam aktiviti-aktiviti akademik lain.
3. Para pensyarah subjek ilmu mantik perlu diberikan latihan atau pendedahan tentang kaedah pengajaran agar mereka lebih memahami emosi dan kehendak para pelajar masing-masing.
4. Para pensyarah perlu memperbanyakkan lagi penerbitan dan penulisan berkaitan ilmu mantik dengan memberikan contoh-contoh yang mudah difahami yang boleh diselaraskan dengan perkara-perkara di sekeliling mereka.
5. Para pelajar perlu diberikan latihan yang secukupnya, atau sekurang-kurangnya para pensyarah perlu bertanya secara berdepan tentang pemahaman dan pengamalan ilmu mantik yang tiada dalam buku rujukan mereka.
6. Pelbagai program dan aktiviti luar seperti seminar atau wacana berkaitan ilmu mantik perlu diperbanyakkan agar pengetahuan para pensyarah dan pelajar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.
7. Penyelidikan dan kajian secara berterusan perlu dilakukan bagi memantapkan lagi pengajian ilmu mantik dalam pelbagai aspek sama ada pemantapan silibus, pengajar ataupun pelajar.

## RUJUKAN

- Abu al-'Ala 'Afifi (1947). *Al-Mantiq al-Tawjihī*. Qahirah: Matba'ah Lajnat al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2010). *Kamus Dewan*. Ed. Hajah Noresah Baharom. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (2014). *Panduan Prasiswazah Sesi 2014/2015 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin*. Kuala Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1961). *Maqasid al-Falasifah*. Ed. Sulayman Dunya. Misr: Dar al-Ma'arif.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (2008). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Bayrut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman bin Muhammad (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Ed. 'Abd Allah Muhammad al-Darwish. Damshiq: Dar al-Balkhi.
- Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram (2003). *Lisan al-'Arab*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- 'Iwad Allah Jad Hijazi (1964). *Al-Murshid al-Sallim fi al-Mantiq al-Hadith wa al-Qadim*. Qahirah: Dar al-Taba'ah al-Muhammadiyyah.
- Jabatan Pengajian Tinggi (2010). *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.
- al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad al-Sharif Kitab al-Ta'rifat (1985). Bayrut: Maktabah Lubnan.
- Kamaruddin Salleh (2000). Ilmu Mantik dan Pengaplikasiannya: Kajian Kes Di Pahang. Prosiding Wacana Pemikiran Islam VIII. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faizul Azmi & Muhammad Rashidi Wahab (2013). Isu, Cabaran dan Halangan Pengajian Mantik. Prosiding Seminar Ilmu Mantik 2013. Kuala Terengganu: Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohd Fauzi bin Hamat (1996). Pengaruh Mantiq Terhadap Pemikiran Islam. Tesis MA yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi (2013). Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah. *Jurnal Teknologi: Sosial Sciences*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Hidayah Abdul Makin (2013). Tahap Kefahaman Ilmu Mantik Dalam Kalangan Pelajar Usuluddin Semester Enam. Latihan Ilmiah BA yang tidak diterbitkan. Kuala Terengganu: Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Portal Rasmi Majlis Periksaan Malaysia.  
<http://portal.mpm.edu.my/documents/10156/f2f48bd0-d301-42f8-86c6-40923730dc5f>
- Portal Rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.  
[https://www.unisza.edu.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=879&Itemid=222&lang=ms](https://www.unisza.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=879&Itemid=222&lang=ms)